

SIARAN MEDIA

STEVEN SIM: PERKUKUH E-DAGANG DUA HALA, PERLUAS PASARAN PRODUK MALAYSIA DI CHINA

GUANGZHOU, 3 September – Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Steven Sim Chee Keong menggesa supaya e-dagang rentas sempadan dua hala antara Malaysia dan China diperkukuh semasa misi perdagangan antarabangsa beliau di Guangzhou, ketika Malaysia berusaha membuka lebih banyak saluran bagi membolehkan produk berkualiti tinggi negara menembusi pasaran China.

Pengukuhan jaringan e-dagang antara kedua-dua negara penting bagi membolehkan produk berkualiti tinggi Malaysia dipasarkan secara lebih langsung kepada pengguna China.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian China International Small and Medium Enterprises Fair (CISMEF) Ke-21 dan Majlis Pembukaan Pavilion Malaysia di Guangzhou, hari ini.

Tambah beliau, potensi memperluas akses pasaran menerusi e-dagang turut diterokai dalam kunjungannya ke Alibaba Group, khususnya bagi melihat bagaimana ekosistem e-dagang China yang maju dapat dimanfaatkan untuk membantu perniagaan Malaysia mendekati pengguna China dan pasaran antarabangsa.

“Banyak produk Malaysia sudah mendapat sambutan baik dalam kalangan pengguna China, termasuk durian, sarang burung, kopi putih, kraftangan dan batik.

“Justeru, kita mahu membina momentum ini melalui hubungan e-dagang yang lebih kukuh supaya lebih banyak produk Malaysia yang berkualiti dapat menembusi pasaran China,” katanya.

YB Steven Sim berkata, e-dagang rentas sempadan perlu berkembang secara seimbang dan saling menguntungkan, bukan sahaja dengan memberi akses kepada pengguna Malaysia untuk mendapatkan produk China, tetapi pada masa sama membuka lebih banyak ruang kepada produk Malaysia untuk memasuki pasaran China.

“Ini bukan sekadar mengenai perdagangan, tetapi tentang membuka peluang baharu kepada usahawan kita untuk berkembang, bersaing dan menembusi pasaran global,” katanya.

Dalam misi perdagangan tersebut, YB Steven Sim mengetuai penyertaan 12 syarikat dan koperasi Malaysia di CISMEF yang mewakili sektor makanan dan produk kesihatan.

Beliau berkata penyertaan tersebut mengetengahkan keupayaan jenama Malaysia dari segi inovasi, kualiti dan daya saing, selain mencerminkan potensi hampir 1.3 juta PMKS negara untuk berkembang ke peringkat antarabangsa.

Malaysia mempunyai kelebihan tersendiri melalui kepelbagaian, kreativiti dan keunikan produk yang mampu memenuhi keperluan serta cita rasa pasaran global.

“Jika Delta Sungai Mutiara yang menempatkan Guangzhou dikenali sebagai ‘*Factory of the World*’, manakala Malaysia dikenali sebagai ‘*Crossroads of Asia*’, maka kita juga mempunyai potensi untuk muncul sebagai ‘*Boutique of the World*’ dengan menawarkan produk yang unik, kreatif dan berkualiti tinggi,” katanya.

Prestasi eksport PMKS Malaysia turut menunjukkan perkembangan positif apabila nilai eksport sektor tersebut mencecah RM214.5 bilion pada 2025, meningkat 10.5 peratus berbanding tahun sebelumnya dan menyumbang hampir 15 peratus daripada jumlah eksport negara. YB Steven Sim berkata pencapaian tersebut membuktikan PMKS Malaysia mempunyai keupayaan untuk memenuhi cita rasa, trend dan piawaian pasaran antarabangsa.

“PMKS kita sudah membuktikan bahawa mereka mampu bersaing di peringkat global. Langkah seterusnya adalah memastikan lebih banyak akses, platform dan saluran pasaran disediakan supaya mereka dapat berkembang dan pergi lebih jauh,” katanya.

Beliau turut menyifatkan lawatannya ke China sebagai kunjungan persahabatan, mengukuhkan hubungan diplomatik Malaysia-China yang telah terjalin selama lebih setengah abad menerusi pertukaran peringkat tinggi sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Kerjasama perdagangan dan ekonomi pula terus menjadi tonggak penting dalam hubungan dua hala.

“No one can win alone. We must win together,” katanya.

YB Steven Sim kini berada di Guangzhou bagi mewakili Malaysia dalam Mesyuarat Menteri-menteri Perusahaan Kecil dan Sederhana APEC (APEC SME MM) Ke-32, selain mengetuai delegasi Malaysia dalam misi perdagangan khas yang turut merangkumi penyertaan di CISMEF.

Penyertaan Malaysia dalam platform antarabangsa tersebut membuka ruang untuk memperkukuh jaringan perdagangan, memperluas akses pasaran PMKS serta membawa agenda pembangunan PMKS Malaysia ke peringkat serantau dan antarabangsa.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI 4 SEPTEMBER 2026

